

29 JAN 2004
FELDA-PENYENARAIAAN
KERAJAAN TIDAK AKAN TERGESA-GESA SENARAIKAN FELDA

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Tiada tempoh masa diberikan bagi penyenaaraian Felda Holdings Sdn Bhd kerana kerajaan tidak mahu tergesa-gesa melakukannya, kata Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam hari ini.

"Kita tidak mahu tergesa-gesa kerana kita perlu melihat kepada faktor masa dan faktor-faktor lain terlebih dahulu untuk melindungi kepentingan peneroka, orang-orang Felda dan kerajaan sebelum membuat keputusan penyenaaraian," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Koperasi Negara di sini, hari ini.

Pengendali perladangan terbesar negara itu sedang berusaha mendapatkan penyenaaraian di Papan Utama Malaysia Securities Exchange Sdn Bhd (MESB).

"Ianya nampak mudah tetapi memerlukan banyak pertimbangan dan pemikiran yang sewajarnya di kalangan pihak yang terbabit," katanya.

Rancangan untuk menyenaaraikan Felda diumumkan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2004.

Penyenaaraian itu akan membolehkan Felda memanfaatkan dana daripada pasaran modal dan tidak bergantung kepada kerajaan bagi bantuan kewangan.

Felda Holdings memiliki 354,554 hektar kawasan perladangan manakala peneroka mempunyai 447,246 hektar.

Kilang Felda Holdings menapis buah tandan segar (FBB) minyak sawit yang dihasilkan oleh estet dan ia juga membeli FBB daripada peneroka. --
BERNAMA

SHO KTC ZK